

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perincian pembiayaan sejumlah RM5 juta kepada 82 usahawan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang dan perkembangan projek pembiayaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melalui Pertubuhan Peladang Kawasan telah menyediakan satu program pembiayaan mudah yang dikenali sebagai Tabung Pembangunan Usahaniaga Peladang (TPUP) melalui tawaran pembiayaan minima RM20,000 sehingga maksima RM100,000 dengan tempoh bayaran balik selama 7 tahun. Program ini terbuka kepada ahli peladang yang mengusahakan projek ekonomi berasaskan pertanian yang bertujuan membantu meningkatkan kapasiti pengeluaran dan pendapatan usahawan peladang.

2. Berdasarkan kepada pecahan peruntukan TPUP RMK-11 (2016-2020) dalam tempoh empat tahun pertama iaitu 2016-2019, sebanyak RM19,873,987.00 telah diluluskan kepada 326 usahawan peladang. Daripada jumlah tersebut, seramai 207 usahawan peladang telah berjaya meningkatkan pendapatan kepada RM4,000.00 dan ke atas sebulan serta dapat meningkatkan kapasiti projek sedia ada.

3. Pada tahun 2020, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah memperuntukkan sejumlah RM5 juta kepada LPP bagi melaksanakan Program TPUP. Sehingga 30 November 2020, seramai 86 orang usahawan peladang telah diluluskan pembiayaan sebanyak RM5,000,000.00 dan daripada jumlah tersebut, 50 orang usahawan peladang disasarkan dapat meningkatkan pendapatan kepada RM4,000 dan ke atas sebulan.

Sekian, terima kasih.